



PENERIMA... Dr Murnizam (enam kanan), Ag Asri (tiga kiri), Zaiton (empat kiri) dan Zamri (lima kanan) bersama penerima APC UMSKAL 2017



ANUGERAH.... Dr Murnizam menyampaikan anugerah APC kepada Roslee Karim (kanan) sambil diperhatikan Ag Asri (kiri), Zaiton dan Zamri (dua kanan).

14 kakitangan UMSKAL terima sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

NST 9.8.2018 6

LABUAN: Seramai 14 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 di Café Kesumba, Aras 12, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Manakala lapan orang kakitangan menerima Sijil Anugerah Jasa Bakti 2017.

Semua anugerah disampaikan oleh Penyelaras UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji

Halik.

Turut hadir Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Prof. Madya Dr. Ag Asri Ag Ibrahim, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr Zaiton Othman, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah dan ketua ketua sektor.

Dr Murnizam berkata majlis itu diadakan sebagai tanda terima kasih atas sumbangan pggawaial, penyayang dan ikhlakitangan terhadap

pembangunan UMSKAL secara keseluruhaninya.

Katanya, UMSKAL sentiasa menghargai peranan dan khidmat bakti yang dicurahkan warga universiti selama ini.

"Kita akan sentiasa menghargai kecemerlangan kakitangan terhadap pembangunan universiti khususnya UMSKAL pada tahun lalu," katanya.

> Beliau juga berharap menerusi anugerah itu, semua kakitangan akan memberikan

perkhidmatan terbaik kepada pelanggan termasuk pelajar dan warga Labuan amnya.

Pada majlis itu, UMSKAL turut menerima anugerah peringkat UMS iaitu naib johan Pengurusan Kewangan Terbaik dan naib johan Laman Web kategori Pengurusan yang masing-masing diwakili Penolong Bendahari Kanan, Mohd Nazir Ab Manan dan Ketua Sektor Teknologi Maklumat Komputer Kanan, Ismet Zulfikar Ahmad Shafee. >OLEH JAINUDIN DJIMIN